



Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/4

Tarikh : 7 Ogos 2025

PEKELILING AKADEMIK BIL. 28/2025

Semua Pelajar Program Prasiswazah

Saudara/i,

PENGESAHAN KURSUS DAN DRAF JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER 3 SESI AKADEMIK 2024/2025

Merujuk kepada perkara di atas, dimaklumkan bahawa Peperiksaan Akhir Semester 3 Sesi Akademik 2024/2025 akan diadakan mulai **8 hingga 14 September 2025**.

2. Semua pelajar perlu membuat pengesahan kursus dan jadual waktu peperiksaan melalui <http://smplucee.ukm.my/smpweb> mulai **18 hingga 24 Ogos 2025**. Tindakan yang perlu dilakukan adalah seperti berikut:

- i) Membaca dan melengkapkan borang **AKU JANJI PELAJAR** di SMPWeb;
- ii) Menyemak dan membuat pengesahan ke atas semua kursus yang didaftarkan dan draf jadual peperiksaan akhir bagi semester semasa. Sekiranya semua maklumat adalah tepat dan tiada percanggahan jadual peperiksaan, pelajar perlu menekan butang **"SAH"**; dan/atau
- iii) Sekiranya terdapat percanggahan jadual peperiksaan atau **tiga (3) peperiksaan dijadualkan berturut-turut dalam satu hari**, pelajar perlu menyenaraikan kursus terlibat dan memaklumkan kepada Timbalan Dekan (Prasiswazah) di fakulti masing-masing selewat-lewatnya pada **25 Ogos 2025**.

3. Sekiranya pelajar gagal membuat pengesahan dalam tempoh yang ditetapkan, segala butiran kursus yang direkodkan dianggap betul dan lengkap.


4. Pelajar juga akan dikenakan denda lewat pengesahan masuk peperiksaan sebanyak **RM15.00**. Bayaran denda tersebut hendaklah dilakukan melalui SMPWeb mulai tarikh akses dan cetakan **Kad Masuk Jadual Peperiksaan (KMJP)** dibuka.

Kerjasama dan perhatian semua pelajar dalam perkara ini amat dihargai.



Sekian, terima kasih.

Yang benar,



BASIR BIN BAHIR

Timbalan Pengarah (Governans Akademik)

b.p. Pengarah

Pusat Pengurusan Akademik

- s.k.
- Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
 - Pengarah
Pusat Pengurusan Akademik
 - Dekan
Fakulti/Pusat
 - Pengarah
Pusat Pembentukan Pendidikan Lanjutan & Profesional (UKMShape)
 - Pengarah
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
 - Pengarah
Pusat Pengajaran dan Pembangunan Kurikulum (Pengajaran-UKM)
 - Pengarah
Pusat Teknologi Maklumat
 - Ketua Unit Kewangan Pelajar
Jabatan Bendahari
 - Ketua Pentadbiran
Fakulti/Pusat
 - Yang Dipertua
Kesatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (KMUUKM)



PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Tel.: +603-89118284/8452/8454/8457/8458/8459/8460/8461/8388/8450/8451
E-mel: akad@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/akademik

ILMU, MUTU DAN BUDI

 www.ukm.my